

**UCAPAN
YANG BERHORMAT
DATIN SERI PADUKA HAJAH HAYATI BINTI POKSDSP HJ MOHD SALLEH
PEGUAM NEGARA
PADA PEMBUKAAN TAHUN UNDANG-UNDANG
KHAMIS, 4 FEBRUARI 2016**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

Selamat pagi.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Amat Arif Ketua Hakim, Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie, Yang Arif Hakim-Hakim, Presiden Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Para Peguam, Tuan-Tuan Yang Terutama, Tetamu-Tetamu, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Saya amat berbesar hati kerana dapat berucap sekali lagi dalam Majlis Pembukaan Tahun Undang-Undang ini selaku Peguam Negara.

Dengan limpah rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua, kita semua dapat berkumpul sekali lagi di sini dalam suasana yang aman, harmoni dan tenteram, di bawah kebijaksanaan pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ucapan tahniah/penghargaan

Pertama-tama saya turut sama dengan Yang Amat Arif mengucapkan tahniah atas pelantikan 6 orang Hakim Mahkamah Perantaraan yang nama-nama mereka telah disebutkan sepenuhnya oleh Yang Amat Arif. Pelantikan mereka ini tidak syak lagi

akan meningkatkan bukan sahaja kekukuhan bahkan kecekapan dan integriti Jabatan Kehakiman Negara Brunei Darussalam seperti yang dikehendaki dalam sumpah kehakiman yang mereka angkat.

Kami juga turut menyampaikan ucapan tahniah kepada Awg Hj Mohd Rozaiman bin Dato Seri Laila Jasa Awg Hj Abd Rahman atas pelantikan semula beliau sebagai Presiden Persatuan Undang-Undang. Kami mengharapkan kepimpinan beliau untuk meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap profesion undang-undang di dalam dan di luar Negara Brunei Darussalam. Saya mengalu-alukan dialog yang telah diadakan di antara Law Society dan Pejabat Peguam Negara supaya dapat diteruskan dalam sesi yang bersesuaian. Kami berharap bahawa perundingan telah dibuat kerana kami beranggapan pandangan yang dibincangkan adalah pandangan ahli Law Society secara menyeluruh.

Cabaran Ekonomi

Yang Amat Arif

Pada ketika ini, kita menyedari masalah ekonomi yang mencabar dan tidak menentu yang mempunyai impak secara global dan Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah Baginda sempena Tahun Baru 2016 menyatakan bahawa pertumbuhan dalam keluaran dalam negeri kasar (GDP) negara ini yang perlahan pada tahun-

tahun kebelakangan memerlukan kita melipatgandakan usaha untuk meningkatkan keluaran dalam negeri, terutamanya di luar sektor minyak dan gas.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman Bin Awang Hj Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II baru-baru ini menyatakan bahawa kejatuhan mendadak harga minyak global telah menjejaskan secara signifikan pendapatan negara ini. Kebimbangan beliau itu adalah berasas dan kena pada masanya.

Dalam melaksanakan pembaharuan untuk mempelbagaikan ekonomi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah memperkenalkan bagi penubuhan jawatankuasa yang bertanggungjawab melaksanakan pembaharuan bagi menjadikan negara ini lebih menarik bagi pelabur-pelabur asing. Sebuah Pusat Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) juga telah ditubuhkan untuk menampung keperluan perusahaan kecil dan sederhana dalam negeri.

Yang Amat Arif

Soalan yang mahu tidak mahu ingin saya tanyakan di sini hari ini ialah bagaimana kita peguam-peguam boleh membantu dalam usaha negara ini menarik Pelaburan Langsung Asing (FDIs) dan menggalakkan mempelbagaian ekonomi dan pertumbuhan SMEs? Terdapat konsensus antarabangsa yang baru muncul bahawa adanya infrastruktur perundangan yang kukuh – dengan mendukung ‘Kedaulatan Undang-Undang’ – adalah unsur utama dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi

dan pelaburan langsung asing (FDI). Yang Amat Arif telah bercakap mengenai Kedaulatan Undang-Undang dalam ucapan Yang Amat Arif sebentar tadi.

Malahan, untuk mewujudkan keyakinan pelabur, kita mestilah mempunyai bukan sahaja persekitaran politik dan ekonomi yang menggalakkan, tetapi juga penting bagi kita mempunyai infrastruktur perundangan yang berkesan dan bebas untuk melindungi hak pelabur-pelabur itu.

Dalam hubungan ini, mungkin sesuai masanya untuk mengingat kembali dengan rasa bangga kata-kata atau kata-kata yang sama maksudnya mendiang C.J Sir Denys Roberts yang beliau ucapkan di sini. Beliau mengatakan:

“Mungkin perkara yang paling berharga sekali, ialah cara bagaimana Jabatan Kehakiman itu sendiri tetap bebas. Tidak diragui ada antara keputusannya tidak disukai oleh beberapa buah Jabatan Kerajaan, akan tetapi tiada percubaan dibuat untuk mencampuri Mahkamah, atau mempengaruhinya dengan apa jua cara, kecuali setakat yang dibenarkan dalam pendengaran di mahkamah terbuka.

Ia banyak menaikkan nama Kerajaan Brunei, dan Peguam Negara, yang menyelia semua pendakwaan, bahawa tiada percubaan dibuat untuk membawa sebarang tekanan yang tidak wajar kepada Jabatan Kehakiman.”

Kita mestilah juga mempunyai undang-undang yang memupuk persekitaran pro-perniagaan dan pro-pelabur.

Untuk tujuan ini, Pejabat Peguam Negara, yang diketuai oleh Peguamcara Negara dengan dibantu oleh Penggubal Undang-Undang dan pegawai-pegawai, telah secara aktif membantu unit PENGGERAK Jabatan Perdana Menteri dan pihak-pihak berkepentingan lain yang berkaitan dalam beberapa pembaharuan perundangan yang ada hubungannya dengan Kemudahan Menjalankan Perniagaan (EODB). Ini termasuklah antara lainnya Perintah Ketidaksolvenan, 2016, draf Perintah Transaksi Bercagar, 2016, Aturan-Aturan dari Aturan-Aturan Mahkamah Besar (Pindaan), 2015, draf Perintah Keselamatan Kebakaran, 2015 dan draf Perintah Akta Lesen Perniagaan (Pindaan), 2015. Banyak lagi dalam perancangan mengikut keutamaan.

Beberapa pihak berkepentingan yang mengadakan mesyuaratnya secara tetap yang ada hubungannya dengan EODB, banyak mendapat manfaat daripada bimbingan dan kepimpinan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri sebagai Pengerusi PENGGERAK. Usaha Duli Yang Teramat Mulia yang tidak kendur-kendur ini mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menjadikan negara ini pro-perniagaan.

Alhamdulillah, penyelarasan usaha yang sedang berjalan ini menyumbang kepada peningkatan kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam EODB daripada 105 pada tahun 2015 kepada 84 pada tahun 2016 dan dengan segala inisiatif yang dilaksanakan sekarang ini, kita tidak ragu-ragu akan terus memperbaiki kedudukan ini. Walau bagaimanapun, kita harus sedar bukan sahaja rangka perundangan dan

pengawalseliaan mesra perniagaan yang diperlukan untuk memudahkan perkembangan perniagaan, inovasi dan pertumbuhan ekonomi, tetapi juga lebih penting lagi ialah perhatian yang teliti dalam pematuhan dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan dengan berkesan. Dalam hubungan ini, kami memuji pelbagai usaha yang dibuat oleh AMBD dan agensi-agensi lain yang berkaitan dalam memerangi pembersihan wang haram, pembiayaan keganasan dan jenayah kewangan yang semakin bertambah.

Pegawai-pegawai kami juga telah membantu Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang berkaitan dalam rundingan yang panjang bagi Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) yang dibuat pada 5hb Oktober 2015, terutamanya dalam memastikan Perjanjian itu mengikut kehendak kita dan tidak bercanggah dengan dasar negara, kedaulatan dan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Kami akan terus membantu terutama sekali dalam menggubal undang-undang dan pindaan undang-undang yang diperlukan untuk pelaksanaan.

Kita telah diberikan jaminan oleh pakar ekonomi kita bahawa Negara Brunei Darussalam akan mendapat manfaat dari segi ekonomi kerana Perjanjian ini memperuntukkan rejim perdagangan yang lebih mantap dan rangka pengawalseliaan pelaburan serta meningkatkan perlindungan harta intelek. Sungguhpun manfaatnya tidak mungkin dirasakan dengan serta-merta atau tidak boleh diukur, adalah diharapkan ia akan mewujudkan infrastruktur yang lebih menggalakkan untuk perniagaan dan selepas itu membolehkan ekonomi terus berkembang.

Saya mengalu-alukan penubuhan mahkamah komersial yang baru sahaja diumumkan oleh Yang Amat Arif. Saya berkongsi harapan dengan Yang Amat Arif bahawa ia akan memenuhi hasrat negara untuk menarik lebih banyak pelaburan langsung asing dan mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif dan pada masa yang sama memastikan pertikaian komersial diselesaikan dengan adil, saksama dan cekap. Mungkin berguna untuk dikongsikan di sini 3 ciri penting komposisi mahkamah komersial iaitu pandangan antarabangsa, kemahiran dan pengetahuan komersial dan simpati timbangtara.

Dengan nada positif, sering dikatakan, jika ada cabaran, akan ada juga peluang.

Dengan aliran perdagangan dan pelaburan merentas sempadan di Asia, TPP dan lain-lain, yang diharapkan dapat mempergiatkan semula perdagangan dan pelaburan, terdapat banyak isu yang boleh diberikan perhatian oleh peguam-peguam dan komuniti perniagaan di rantau ini termasuklah Negara Brunei Darussalam, seperti penumpuan undang-undang, penyeragaman undang-undang dan mencari penyelesaian undang-undang yang boleh diterima terhadap faktor-faktor yang menjejaskan perdagangan dan perniagaan merentas sempadan.

Oleh itu, kami berharap permintaan bagi perkhidmatan undang-undang akan bertambah dan dengan yang demikian terdapat keperluan untuk terus meningkatkan bidang dan kualiti perkhidmatan undang-undang dan perkongsian dengan pakar lain

yang sudah mantap di luar Negara Brunei Darussalam. Isu dasar lebih baik diserahkan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan yang sentiasa mengalinga rakyat Baginda. Apa yang dianggap sebagai dasar terbaik di bidang kuasa lain mungkin tidak sesuai bagi Negara Brunei Darussalam dan begitu jugalah sebaliknya.

Menggalakkan integriti

Yang Amat Arif juga menyentuh mengenai kepentingan “integriti yang tidak boleh dipersoalkan” dalam kalangan Jabatan Kehakiman dan peguam-peguam. Seperti yang telah Yang Amat Arif tekankan dengan tepat meskipun teknologi undang-undang itu bertujuan baik, kita sebagai warga sesebuah organisasi itulah yang menentukan kecekapannya. Kami sangat berterima kasih atas komitmen dan dedikasi mereka. Kami juga mengalu-alukan peguam-peguam muda untuk berkhidmat dengan Pejabat Peguam Negara. Kesungguhan mereka untuk belajar adalah sangat kuat dan memberi harapan besar untuk masa depan profesion undang-undang di Negara Brunei Darussalam. Saya sukacita menasihatkan mereka supaya sentiasa bertindak benar dan jujur dan mengikut undang-undang dalam pekerjaan yang mulia ini.

Mengenai perkara integriti, pertimbangan penting lain yang menyentuh keputusan pelabur memilih destinasi pelaburan adalah tahap rasuah di sesebuah negara itu.

Kajian telah menunjukkan rasuah mempunyai impak negatif kepada tahap pelaburan, pertumbuhan ekonomi dan menjejaskan pertumbuhan SMEs.

Banyak kajian juga telah menunjukkan bahawa negara-negara yang rendah tahap rasuahnya menarik lebih FDI per kapita.

Rasuah boleh dalam banyak bentuk termasuk amalan seperti penyogokan, pemerasan, pengaruh, fraud dan penggelapan wang. Terutama sekali rasuah dalam bentuk tersembunyi tidak semestinya melibatkan keuntungan kewangan kepada pelakunya. Ini adalah rasuah dalam bentuk penyalahgunaan kuasa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa lawatan kerja ke Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Gadong pada 31hb Mac 2015 telah melahirkan kebimbangan Baginda mengenai rasuah dalam bentuk penyalahgunaan kuasa bagi kepentingan peribadi.

Dalam menangani kebimbangan ini, Pejabat Peguam Negara dengan kerjasama Biro Mencegah Rasuah dan Jabatan Perdana Menteri telah menggubal Perintah Pencegahan Rasuah (Pindaan), 2015 yang mula berkuat kuasa pada 22hb September 2015. Perintah ini bertujuan untuk meningkatkan integriti dan kejujuran dalam kalangan pegawai-pegawai awam.

Bab 12A baru menjadikannya suatu kesalahan bagi pegawai awam menggunakan dana awam untuk tujuan peribadi, memberikan layanan keutamaan yang tidak wajar, menyalahgunakan maklumat yang diperolehi semasa menjalankan kewajibannya atau berkelakuan dengan cara yang akan menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggahan dengan kewajipan awamnya. Bab 12B memperkenalkan kesalahan

salah laku dengan sengaja atau lalai melaksanakan kewajipan yang terjumlah kepada penyalahgunaan amanah awam terhadap pemegang jawatan.

Kesalahan-kesalahan di bawah bab ini boleh dilakukan tanpa menerima suapan atau manfaat kewangan. Seorang pegawai awam boleh didapati bersalah kerana kesalahan-kesalahan ini jika dia didapati terlibat dalam penyalahgunaan kuasa atau budi bicara, penyalahgunaan tugas rasmi atau kegagalan mengisytiharkan sebarang percanggahan kepentingan.

Senarai Badan-Badan Awam dalam Jadual Akta Pencegahan Rasuah (Penggali 131) dan tafsiran 'badan awam' dalam Bab 2 dari Akta yang sama juga telah dipinda untuk memasukkan Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan badan-badan berkanun.

Perintah baru itu juga memastikan pematuhan Negara Brunei Darussalam kepada Konvensyen Menentang Rasuah Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCAC) yang telah diratifikasi oleh Negara Brunei Darussalam pada 2hb Disember 2008.

Yang Amat Arif

Walaupun, memang difahami, ketidakpastian ekonomi yang wujud telah memberi kesan kepada latihan undang-undang dan rancangan pembinaan kapasiti Pejabat Peguam Negara, (mudah-mudahan sementara sahaja), kami akan terus berbuat apa yang termampu untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai kami. Lagi pun, mereka adalah pelaburan masa hadapan Negara. Misalnya pada

Oktober 2015 Pejabat Peguam Negara bekerjasama dengan Pasukan Polis Diraja Brunei untuk menganjurkan bersama seminar yang bertujuan untuk meningkatkan profesionalisme dalam pendakwaan dan penyiasatan kes-kes jenayah. Kami telah

dapat mendatangkan penceramah-penceramah kehormat yang terkemuka iaitu Yang Amat Arif Hakim Andrew Macrae, Hakim Rayuan Mahkamah Rayuan di Hong Kong dan Yang Mulia Sekher Warriar, Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Singapura yang berkongsi pengamalan luas mereka dan juga amalan terbaik yang kami berharap akan mencontohinya dalam masa yang terdekat.

Baru-baru ini, Bahagian Sivil menganjurkan seminar yang bertajuk “Perkongsian Awam Swasta (PPPs) berkaitan dengan Projek-Projek Kerajaan”. Seminar itu dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada Pejabat Peguam Negara, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, Kementerian Kewangan, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Peserta-peserta diperkenalkan kepada isu-isu yang berkaitan dengan projek-projek infrastruktur melalui PPPs termasuk perkembangan dasar-dasar PPP dan rangka perundangan dan pengawalseliaan yang dikehendaki yang disampaikan oleh dua orang penceramah berpengalaman daripada Singapura, Yang Mulia KC Lye dan Yang Mulia Nicky Davies daripada Norton Rose Fulbright (Asai) LLP. Kami sangat berterima kasih kepada Jabatan Perdana Menteri atas sokongan mereka.

Yang Amat Arif

Atas faktor masa, saya tidak akan seperti tahun-tahun yang sudah memberikan penerangan terperinci tentang banyak kerja yang dilakukan oleh pelbagai bahagian di Pejabat Peguam Negara dalam melaksanakan tanggungjawab kami di bawah Perlembagaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan, baik sebagai penasihat undang-undang mahu pun sebagai Pendakwa Raya (PP). Memadai bagi saya di sini untuk meyakinkan Yang Amat Arif bahawa pegawai-pegawai dan kakitangan saya telah dan akan terus melaksanakan kewajipan kami dengan komitmen, integriti, ketabahan dan profesionalisme dengan sedaya upaya kami. Kami akan terus sama-sama meneliti dan melaksanakan penambahbaikan yang boleh kami buat. Kami juga akan menjalankan inisiatif-inisiatif bagi mendekati masyarakat untuk menunjukkan bahawa KAMI PRIHATIN. Kami sudah tentu dengan hati terbuka sentiasa menyambut baik penghargaan, jika penghargaan diberikan, dan menyimpannya ke dalam hati sanubari kami sebagai dorongan sambil itu juga bersedia menerima maklum balas dan cadangan yang membina untuk berbuat dengan lebih baik lagi.

Penutup

Profesion undang-undang akan menghadapi cabarannya sendiri pada tahun-tahun mendatang. Walau bagaimanapun, pendekatan seluruh negara diperlukan bagi agensi-agensi yang berkenaan meneliti undang-undang, aturan-aturan atau peraturan-peraturan mereka dan juga dasar-dasar yang boleh menyokong dan tidak menghalang hala tuju baru ini. Pejabat Peguam Negara sentiasa bersedia

menawarkan perkhidmatan undang-undangnya kepada agensi-agensi yang berkenaan dengan sedaya upaya dan kemampuan kami.

Sebagai penutup, Yang Amat Arif mendapat jaminan kami yang setinggi-tingginya, Pejabat Peguam Negara dan pegawai-pegawainya akan bekerjasama dengan

Jabatan Kehakiman, yang dipandang tinggi lagi dihormati sebagai 'tunjang' dalam pelaksanaan keadilan, untuk mengekalkan dan memelihara Kedaulatan Undang-Undang sambil itu sentiasa memastikan dari sudut undang-undang bahawa tiada apa-apa jua yang akan menjejaskan keselamatan, kedaulatan Negara Brunei Darussalam dan Perlembagaan. Dalam hubungan ini saya perlu menekankan peranan penting dan mencabar dalam sistem keadilan kita juga dimainkan oleh Jabatan Kehakiman, Pasukan Polis Diraja Brunei dan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang lain seperti Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Kastam dan Eksais, Imigresen dan lain-lain. Sering kali peranan mereka itu dipandang ringan.

Marilah kita semua sama-sama menumpukan seluruh jiwa raga dan tenaga tanpa mengira kepercayaan, bangsa dan ugama, untuk menyumbang dalam apa jua cara walaupun kecil ke arah kemakmuran, keharmonian dan keselamatan negara yang kita cintai, demi generasi masa hadapan kita.

Akhir kalam, saya dan semua warga Pejabat Peguam Negara, mengucapkan kepada Yang Amat Arif, semua peguam dan semua yang hadir semoga tahun 2016 ini mendatangkan kebahagiaan, kesihatan dan kejayaan.

وبالله التوفيق والهداية ، السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih.